SHAPIEI ZAINAL ABIDIN & YANG LAIN lwn. KETUA POLIS DAERAH SHAH ALAM & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
KHADIJAH IDRIS H
[GUAMAN NO: 21NCvC-74-11-2013]
22 MAC 2022

Abstrak – *Award yang diberi dalam kes ini – antara lain RM100,000 untuk kesakitan dan penderitaan, RM100,000 untuk estet si mati, RM100,000 untuk ganti rugi misfeasans dalam jawatan (bagi kematian si mati-si mati di tangan defendan-defendan yang cuai dan bertindak di luar tugas statutori) dan RM100,000 bagi ganti rugi teruk – adalah tinggi. Namun ini tidaklah melampau atau berlebihan selepas mengambil kira keadaan kematian si mati yang masih muda, tindakan anggota polis yang cuai menjalankan tugas dan kemudian mengeluarkan kenyataan yang tidak bertanggungjawab untuk menjustifikasikan tindakan mereka menembak si mati-si mati di kepala dan dada serta kesan-kesannya atas pihak-pihak yang menuntut iaitu ahli keluarga si mati-si mati.*

TORT: *Ganti rugi – Tuntutan – Tiga orang ditembak mati oleh pihak polis – Tuntutan ganti rugi oleh ahli keluarga dan pentadbir harta pusaka ketiga-tiga si mati – Sama ada tuntutan disokong keterangan-keterangan relevan – Ganti rugi yang wajar diawardkan*

PERKATAAN & ISTILAH: *'Secara global' – Award – Tiga orang ditembak mati oleh pihak polis – Tuntutan ganti rugi oleh ahli keluarga dan pentadbir harta pusaka ketiga-tiga si mati – Pendaftar mengawardkan ganti rugi 'secara global' – Sama ada 'secara global' bermaksud award untuk semua plaintif dan award perlu dibahagi sama rata antara plaintif-plaintif – Sama ada 'secara global' meliputi kesemua 'heads of claim' yang dituntut*

Tiga lelaki meninggal dunia susulan tembakan oleh pihak polis yang mengenai kepala dan/atau dada mereka. Pihak polis, dalam menjustifikasikan tindakan mereka menembak mati ketiga-tiga si mati, mengeluarkan kenyataan bahawa ketiga-tiga si mati adalah perompak dan ahli 'Geng Minyak'. Perayu pertama dan kedua, ketiga dan keempat, kelima dan keenam ('plaintif-plaintif'), masing-masing ahli keluarga dan pentadbir harta pusaka si mati pertama, kedua dan ketiga, menuntut ganti rugi terhadap responden-responden ('defendan-defendan') di Mahkamah Tinggi, bawah ss. 7 dan 8 Akta Undang-undang Sivil 1956 ('Akta') atas serangan, serang sentuh, misfeasans dalam jawatan awam dan kecuaian anggota polis hingga menyebabkan kematian mereka. Mahkamah Tinggi menolak tuntutan plaintif-plaintif. Walau bagaimanapun, ekoran rayuan yang dibenarkan di Mahkamah Rayuan, defendan-defendan didapati bertanggungan atas

kematian ketiga-tiga si mati. Mahkamah Rayuan mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi dan memerintahkan kes dikembalikan ke Mahkamah Tinggi agar ganti rugi ditaksir oleh Pendaftar untuk setiap plaintif. Penolong Kanan Pendaftar ('PKP') (i) mengawardkan ganti rugi am untuk serang sentuh, kesakitan dan kesengsaraan, serta misfeasans dalam jawatan awam, yang masing-masing secara global berjumlah RM60,000 dan RM100,000; (ii) teruk dan khas, yang masing-masing berjumlah RM10,000 dan RM3,000 untuk setiap si mati; dan (iii) tanggungan bawah s. 7 Akta terhadap plaintif kelima dan keenam berjumlah RM8,000. PKP menolak tuntutan ganti rugi untuk (i) tanggungan, bawah s. 7 Akta, oleh plaintif ketiga dan keempat atas alasan tiada apa-apa bukti yang dikemukakan tentang pekerjaan si mati kedua; dan (ii) manfaat estet bawah s. 8 Akta. Tidak ada ganti rugi teladan yang diberikan oleh PKP. Maka timbul rayuan ini terhadap award PKP.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) PKP tidak menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan 'secara global' dan pihak-pihak juga tidak menghujahkan tentang isu ini. Adakah 'secara global' bermaksud award RM60,000 (i) untuk semua plaintif dan award tersebut perlu dibahagi sama rata antara plaintif-plaintif dan ini bermaksud pampasan atas kematian tiap-tiap seorang si mati adalah RM30,000 ('maksud pertama'); atau (ii) meliputi kesemua 'heads of claim' yang dituntut oleh plaintif-plaintif ('maksud kedua')? Oleh kerana ada award yang diberi oleh PKP untuk lain-lain 'heads of claim', maksud pertama lebih masuk akal iaitu pampasan untuk kesakitan dan penderitaan yang diawardkan adalah RM30,000 untuk kematian setiap si mati. Walau bagaimanapun, award RM30,000 sebagai pampasan terhadap perasaan sedih, dukacita, sugul, trauma, kehilangan dan terputusnya kasih sayang akibat kematian orang tersayang secara mengejut adalah terlalu rendah dan tidak memadai. Pampasan sebanyak RM100,000 tidak berlebihan dan melampau. Oleh itu, RM100,000 diawardkan sebagai ganti rugi kesakitan dan penderitaan untuk setiap plaintif pertama dan kedua, ketiga dan keempat dan kelima dan keenam. (perenggan 30-33)

(2) Plaintif ketiga, iaitu ibu si mati kedua, menyatakan bahawa (i) si mati kedua bekerja sebagai jurujual dengan gaji RM1,000 tidak termasuk komisen; (ii) si mati memberinya RM700 setiap bulan untuk perbelanjaan rumah; (iii) plaintif ketiga tidak mempunyai apa-apa slip gaji untuk membuktikan pendapatan si mati kedua kerana slip gajinya hilang atau terbuang semasa keluarganya mengemas barang-barang si mati kedua; (iv) plaintif ketiga telah menghubungi syarikat tempat si mati kedua bekerja untuk mendapatkan slip gaji baharu tetapi syarikat tersebut sudah ditutup. Testimoni plaintif ketiga ini tidak dicabar serius oleh defendan-defendan. Penjelasan plaintif ketiga diterima. Tuntutan plaintif ketiga dan keempat bawah s. 7 Akta dibenarkan (RM700 x 16 tahun = RM11,200). (perenggan 2, 38, 39, 41 & 42)

(3) Tuntutan berikut dibenarkan untuk setiap plaintif pertama dan kedua, ketiga dan keempat dan kelima dan keenam: (i) tuntutan estet bawah s. 8 Akta sebanyak RM100,000; (ii) ganti rugi misfeasans dalam jawatan awam sebanyak RM100,000; dan (iii) ganti rugi teruk sebanyak RM100,000. Plaintif-plaintif bukan mangsa perbuatan kejam defendan-defendan dan, oleh itu, tidak berhak diberi award ganti rugi teladan. Orang tanggungan yang membawa tuntutan bawah Akta tidak berhak mendapat ganti rugi teladan. (perenggan 2, 51, 56, 59, 60 & 65)

Kes-kes yang dirujuk:

Bonham-Carter v. Hyde Park Hotel [1948] 64 TLR 177 ***(dirujuk)***
Hassan Marsom & Ors v. Mohd Hady Ya'akop [2018] 7 CLJ 403 FC ***(dirujuk)***
Ketua Polis Daerah Sentul & Ors v. Norizan Salleh (Rayuan Sivil No: W-01(NCVC)(W)-395-10-2014) (Unreported) ***(dirujuk)***
Ketua Polis Negara & Ors v. Nurasmira Maulat Jaffar & Ors And Other Appeals [2018] 1 CLJ 585 FC ***(dirujuk)***
Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri & Yang Lain lwn. Ghaur Chandram Murugesu & Satu Lagi Rayuan [2016] 3 CLJ 210 CA ***(dirujuk)***
Lim Ah Chi v. Tan Ah Mui & Anor [1968] 1 LNS 67 FC ***(dirujuk)***
Mary Mariay Sussy v. Insp Hare Krishnan Subramaniam & Lain-Lain (Guaman No: WA-21NCVC-44-95-2016) (Unreported) ***(dirujuk)***
Ong Ah Long v. Dr S Underwood [1983] 2 CLJ 198; [1983] CLJ (Rep) 300 FC ***(dirujuk)***
Sambu Pernas Construction & Anor v. Pitchakkaran Krishnan [1982] CLJ 151; [1982] CLJ (Rep) 299 FC ***(dirujuk)***
Shapiei Zainal Abidin & Ors v. Officer-In-Charge Of Police District, Shah Alam & Ors [2016] 10 CLJ 629 HC ***(dirujuk)***
Thangavelu v. Chia Kok Bin [1981] CLJ 132; [1981] CLJ (Rep) 281 HC ***(dirujuk)***
Yang Salbiah & Anor v. Jamil Harun [1981] 1 LNS 106 FC ***(dirujuk)***
Yap Ami & Anor v. Tan Hui Pang [1982] CLJ 410; [1982] CLJ (Rep) 367 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Civil Law Act 1956, ss. 7, 8
Federal Constitution, art. 5(1)

Bagi pihak plaintif - Zaid Malek; T/n Daim & Gamany
Bagi pihak defendan - Natrah Mazman; Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Khadijah Idris H:

Pengenalan

[1] Ini adalah rayuan perayu-perayu/plaintif-plaintif terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar ("Pendaftar") pada 18 Jun 2019 berhubung dengan prosiding taksiran ganti rugi di mana Pendaftar telah membuat perintah responden-responden/defendan-defendan membayar kepada perayu-perayu/plaintif-plaintif ganti rugi seperti berikut:

(i) ganti rugi am merangkumi serang sentuh, kesakitan dan kesengsaraan adalah dibenarkan secara global sebanyak RM60,000;

(ii) ganti rugi untuk manfaat estet di bawah s. 8 Akta Undang-Undang Sivil 1956 ("CLA") ditolak;

(iii) ganti rugi untuk tanggungan di bawah s. 7 CLA dibenarkan hanya terhadap plaintif kelima dan keenam bagi jumlah RM8,000;

(iv) ganti rugi untuk misfeasans dalam jawatan awam dibenarkan secara global sebanyak RM100,000;

(v) ganti rugi teruk dibenarkan sebanyak RM10,000 bagi setiap si mati;

(vi) ganti rugi khas dibenarkan bagi setiap si mati sebanyak RM3,000 bagi kos pengebumian;

(vii) faedah terhadap jumlah keseluruhan penghakiman pada kadar 5% setahun dari tarikh penghakiman; dan

(viii) kos permohonan sebanyak RM2,000 dibayar oleh plaintif-plaintif kepada defendan-defendan.

Perintah ganti rugi di atas akan disebut sebagai "award Pendaftar".

[2] Setelah meneliti rekod rayuan dan hujah kedua-dua pihak, mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu-perayu dan mengetepikan award Pendaftar dan membuat award setakat mana ia melibatkan award ke atas ganti rugi yang dinyatakan berikut:

(i) ganti rugi am bagi serang sentuh, kesakitan dan kesengsaraan award dibenarkan sebanyak RM100,000 bagi setiap perayu pertama dan kedua, perayu ketiga dan keempat, dan perayu kelima dan keenam;

(ii) tuntutan perayu ketiga dan keempat di bawah s. 7 CLA dibenarkan RM700 x 16 tahun = RM11,200;

(iii) tuntutan estet di bawah s. 8 CLA dibenarkan sebanyak RM100,000 bagi setiap perayu pertama dan kedua, perayu ketiga dan keempat, dan perayu kelima dan keenam;

(iv) ganti rugi bagi misfeasans dalam jawatan awam dibenarkan sebanyak RM100,000 bagi setiap perayu pertama dan kedua, perayu ketiga dan keempat, dan perayu kelima dan keenam;

(v) ganti rugi teruk dibenarkan sebanyak RM100,000 bagi setiap perayu pertama dan kedua, perayu ketiga dan keempat, dan perayu kelima dan keenam;

(vi) ganti rugi teladan dibenarkan sebanyak RM100,000 bagi setiap perayu pertama dan kedua, perayu ketiga dan keempat, dan perayu kelima dan keenam; dan

(vii) Kos RM5,000 dibayar kepada perayu-perayu.

Alasan Keputusan Dikemukakan Di Bawah

[3] Dalam alasan penghakiman ini, perayu-perayu akan dirujuk sebagai "plaintif-plaintif" dan responden-responden akan dirujuk sebagai "defendan-defendan".

Ringkasan Fakta Utama

[4] Plaintif pertama dan kedua merupakan bapa dan ibu serta pentadbir harta pusaka si mati pertama, Muhammad Shamil Hafiz bin Shapiei, ("si mati pertama").

[5] Plaintif ketiga dan keempat merupakan ibu dan kakak sulung pentadbir harta pusaka si mati kedua, Mohd Hairul Nizam bin Tuah ("si mati kedua").

[6] Manakala plaintif kelima dan keenam merupakan bapa dan ibu serta pentadbir harta pusaka si mati ketiga, Muhamad Hanafi bin Omar ("si mati ketiga").

[7] Si mati pertama, si mati kedua dan si mati ketiga secara bersama-sama akan disebut sebagai "si mati-si mati".

[8] Pada 13 November 2010, lebih kurang jam empat pagi, si mati-si mati telah ditembak oleh defendan kelima sehingga kesebelas. si mati-si mati telah meninggal dunia akibat tembakan di kepala dan/atau di dada, akibat penembakan dan tindakan anggota-anggota polis tersebut.

[9] Dalam bulan November 2013, plaintif-plaintif sebagai pentadbir harta pusaka si mati-si mati telah memulakan prosiding sivil di Mahkamah Tinggi terhadap defendan-defendan di bawah s. 8 CLA dan juga menuntut ganti rugi atas serangan dan serang sentuh, misfeasans awam dan kecuaian menjalankan tugas oleh responden kelima sehingga ketujuh yang menembak sehingga menyebabkan kematian si mati-si mati. Manakala responden pertama sehingga keempat didakwa bertanggungan secara *vikarius*.

[10] Plaintif-plaintif menuntut daripada defendan-defendan relif-relif seperti berikut:

(i) ganti rugi am;

(ii) ganti rugi untuk tanggungan di bawah s. 7 CLA;

(iii) ganti rugi untuk manfaat estet si mati di bawah s. 8 CLA;

(iv) ganti rugi untuk misfeasans dalam jawatan awam;

(v) ganti rugi teruk dan/atau teladan;

(vi) ganti rugi khas sebanyak RM21,000;

A (vii) deklarasi bahawa defendan-defendan telah dengan sengaja dan/atau dengan niat jahat melanggar kebebasan asasi si mati sepertimana yang terkandung dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan;

(viii) faedah ke atas jumlah penghakiman keseluruhan pada kadar 4% setahun sejak dari tarikh tindakan ini difailkan sehingga tarikh
B penyelesaian penuh;

(ix) kos; dan

(x) apa jua perintah dan relif lain yang difikirkan patut dan sesuai wajar oleh mahkamah yang mulia ini.

C **[11]** Dalam bulan Oktober 2015 Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan-tuntutan plaintif-plaintif. Alasan penghakiman di peringkat Mahkamah Tinggi dilaporkan sebagai *Shapiei Zainal Abidin & Ors v. Officer-In-Charge Of Police District, Shah Alam & Ors* [2016] 10 CLJ 629. Keputusan hakim terpelajar boleh dirujuk pada perenggan 36 dan 37 seperti berikut:

D

> [36] The evidence adduced by the plaintiffs' witnesses only about the news as to the death and the good characters and behaviour of the deceased. No evidences were adduced to prove that the defendants were in excess of statutory duties or inappropriate manner when discharging their firearm. *The court finds that since the fifth to 11th defendants were not liable*
> E *for assault and battery; public misfeasance or otherwise for negligence, the first to fourth defendant were not vicariously liable as pleaded by the plaintiffs.*
>
> [37] Having heard the evidences before me and submissions from both counsels and after having given much consideration, I, on the balance of probabilities, finds that *the plaintiff's claims against the defendants is dismissed*
> F *with costs.*
>
> (penekanan ditambah)

[12] Kesemua perayu memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan tehadap keputusan Mahkamah Tinggi.

G **[13]** Pada 1 September 2016 Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan plaintif-plaintif dan memutuskan defendan-defendan bertanggungjawab ke atas kematian si mati-si mati. Mahkamah Rayuan membuat perintah supaya kes dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk taksiran ganti rugi dijalankan oleh Pendaftar. Perintah Mahkamah Rayuan dikemukakan di sini:

H (i) rayuan perayu-perayu dibenarkan;

(ii) keputusan Hakim Mahkamah Tinggi atas isu liabiliti diketepikan;

(iii) kes dikembalikan semula ke Mahkamah Tinggi untuk taksiran ganti rugi di hadapan Timbalan Pendaftar untuk setiap perayu;

I

(iv) kos ditetapkan sebanyak RM40,000 untuk mahkamah ini dan mahkamah bawah tertakluk kepada bayaran alokatur; dan

(v) deposit dikembalikan kepada perayu-perayu.

Prosiding Taksiran Ganti Rugi

[14] Seperti perintah Mahkamah Rayuan, prosiding taksiran ganti rugi didengar oleh Pendaftar. Pihak plaintif-plaintif telah memanggil tiga orang saksi iaitu:

(i) Puan Norhafizah binti Mad Razali ("SP1") yang merupakan ibu kepada si mati petama dan pentadbir harta pusaka si mati pertama;

(ii) Puan Hamidah binti Kadar ("SP2") yang merupakan ibu kepada si mati kedua dan juga pentadbir harta pusaka si mati kedua; dan

(iii) Encik Omar bin Abu Bakar ("SP3") iaitu ayah kepada si mati ketiga yang juga merupakan pentadbir harta pusaka si mati ketiga.

[15] Manakala pihak defendan-defendan tidak memanggil sebarang saksi.

Undang-undang

[16] Undang-undang mantap bagi taksiran ganti rugi boleh dirujuk dalam kes *Bonham-Carter v. Hyde Park Hotel* [1948] 64 TLR 177:

> plaintiffs must understand that if they bring actions for damages it is for them to prove their damage; it is not enough to write down the particulars, and, so to speak, throw them at the head of the court, saying: 'This is what I have lost, I ask you to give me these damages.' They have to prove it.

[17] Dalam kes *Ong Ah Long v. Dr S Underwood* [1983] 2 CLJ 198; [1983] CLJ (Rep) 300; [1983] 2 MLJ 324, diputuskan:

> Damages for personal injuries are not punitive and still less a reward. They are simply compensatory that will give the injured party reparation for the wrongful act and for all the natural and direct consequences of the wrongful act, so far as money can compensate.

Keputusan Mahkamah

[18] Dalam rayuan plaintif-plaintif terhadap award Pendaftar, hujah yang dibangkitkan oleh plaintif-plaintif adalah ke atas ganti rugi-ganti rugi yang dinyatakan di bawah. Oleh itu, keputusan mahkamah hanyalah ke atas ganti rugi-ganti rugi tersebut dan tidak berkaitan dengan perkara lain yang diputuskan dalam award Pendaftar.

Ganti Rugi Am Bagi Serang Sentuh, Kesakitan Dan Kesengsaraan

[19] Bagi ganti rugi ini award Pendaftar adalah sebanyak RM60,000. Award yang diberikan adalah suatu award global untuk si mati-si mati. Pendaftar dalam alasan penghakiman telah memberi pertimbangan seperti berikut:

Berbalik kepada kes ini, plaintif-plaintif telah mengalami perasaan sedih, dukacita dan sugul atas kehilangan anak mereka secara mengejut. Kehilangan si mati ini cukup memberi kesan kepada mental dan emosi plaintif-plaintif lebih-lebih lagi pada ketika saat mereka merindukan gelak tawa, jasa dan pengorbanan si mati. Oleh yang demikian, saya membenarkan ganti rugi am sebanyak RM60,000.00 terhadap plaintif-plaintif. Mahkamah berpandangan jumlah tersebut adalah wajar dan berpatutan dengan situasi yang dialami plaintif-plaintif.

[20] Plaintif-plaintif berhujah bahawa:

(i) Award yang diberikan secara global tidak adil bagi perayu-perayu dan tidak selari dengan perintah yang diberikan oleh Mahkamah Rayuan supaya taksiran ganti rugi dijalankan untuk setiap perayu. Keputusan Mahkamah Rayuan yang mengetepikan isu liabiliti yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi menunjukkan Mahkamah Rayuan bersetuju dengan naratif-naratif plaintif-plaintif dan meletakkan liabiliti penuh ke atas defendan-defendan;

(ii) Walaupun tindakan sivil terhadap defendan-defendan dimulakan secara bersama, ianya berasaskan kematian tiga orang yang berbeza.

(iii) Tuntutan ganti rugi am oleh plaintif-plaintif adalah atas kesakitan dan kesengsaraan yang dialami mereka akibat kematian anak-anak mereka oleh tindakan defendan-defendan. Keterangan plaintif pertama, plaintif ketiga dan plaintif keempat menggambarkan kesedihan dan kesengsaraan yang dialami oleh mereka akibat kehilangan anak-anak mereka secara mengejut dan kejam akibat tindakan defendan-defendan (kes *Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri & Yang Lain lwn. Ghaur Chandram Murugesu & Satu Lagi Rayuan* [2016] 3 CLJ 210).

(iv) Tindakan responden-responden yang menuduh si mati-si mati terlibat dengan jenayah samun dengan melulu menambah kesengsaraan perayu-perayu.

(v) Pendaftar sepatutnya memberi pertimbangan yang sewajarnya bahawa si mati-si mati yang masih muda dan kematian mereka adalah akibat daripada tindakan kejam dan tidak munasabah oleh defendan-defendan.

[21] Manakala pihak defendan-defendan berhujah bahawa:

(i) suatu kematian bukanlah suatu kesalahan sivil (death of a person is not a civil wrong) dan tindakan persendirian tamat bersama kematian (personal action dies with the plaintiff) (kes *Sambu Pernas Construction & Anor v. Pitchakkaran Krishnan* [1982] CLJ 151; [1982] CLJ (Rep) 299; [1982] 1 MLJ 269; dan *Yap Ami & Anor v. Tan Hui Pang* [1982] CLJ 410; [1982] CLJ (Rep) 367; [1982] MLJ 316); dan

(ii) tindakan ini telah difailkan dan didengar sekali oleh waris-waris si mati-si mati. Oleh itu, award secara global yang ditaksirkan oleh Pendaftar adalah tepat.

[22] Berhubung dengan ganti rugi am untuk kesakitan dan kesengsaraan, mahkamah ini telah meneliti dan menimbangkan keterangan ringkas yang dikemukakan oleh saksi-saksi pihak plaintif-plaintif iaitu SP1 yang merupakan ibu kepada si mati pertama, SP2 yang merupakan ibu kepada si mati kedua dan SP3 yang merupakan ayah kepada si mati ketiga. Ketiga-tiga saksi tersebut menuntut atas kesakitan dan penderitaan yang dialami oleh si mati-si mati akibat ditembak oleh defendan-defendan yang mengakibatkan kematian si mati-si mati.

[23] Dalam hujah bertulis plaintif-plaintif, keterangan SP1, SP2 dan SP3 semasa di peringkat perbicaraan di Mahkamah Tinggi juga dirujuk dan dikemukakan semula (sila lihat perenggan 27 lampiran 97 hujah bertulis plaintif-plaintif).

[24] Peguam plaintif-plaintif berhujah keterangan saksi-saksi tersebut tidak disangkal oleh pihak defendan-defendan pada mana-mana masa waktu perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Peguam pihak defendan-defendan tidak menafikan bahawa pihak defendan-defendan tidak menyangkal keterangan saksi-saksi berhubung dengan keterangan SP1, SP2 dan SP3 yang menceritakan mengenai si mati-si mati ditembak (di dahi dan di dada) dan dituduh oleh pihak defendan-defendan sebagai penjenayah dan perompak ahli kumpulan "geng minyak" yang tersiar di media massa.

[25] Menurut saksi-saksi tersebut, tuduhan sedemikian adalah fitnah jahat yang menyakitkan dan memalukan dan anak-anak mereka iaitu si mati-si mati yang telah meninggal dunia tidak dapat membela diri mereka. Juga pihak defendan-defendan tidak pun mengemukakan bukti bahawa si mati-si mati adalah ahli kumpulan penjenayah dan perompak "geng minyak".

[26] Berdasarkan keterangan saksi-saksi dan fakta kes, memang tidak boleh dinafikan SP1, SP2 dan SP3 menanggung kesakitan, penderitaan dan kesengsaraan yang amat sangat akibat kehilangan dan kematian anak-anak meraka iaitu si mati pertama, si mati kedua dan si mati ketiga masing-masing. Sepertimana diketahui umum, kesakitan, penderitaan dan kesengsaraan yang ditanggung oleh ibu-bapa akibat kehilangan anak, apatah lagi anak yang berusia lingkungan 15 hingga 22 tahun, tidak dapat diukur dengan wang ringgit dan tidak ada ibu-bapa yang mahu berada dalam situasi yang amat sengsara sedemikian. Walau sebanyak mana pun pampasan yang diawardkan oleh mahkamah, ini tidak akan dapat mengubati kesakitan, penderitaan dan kesengsaraan yang ditanggung.

[27] Dalam kes *Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri & Yang Lain lwn. Ghaur Chandram Murugesu & Satu Lagi Rayuan* (*supra*), Mahkamah Rayuan berkata seperti berikut mengenai kesakitan dan penderitaan yang ditanggung seorang bapa atas kehilangan anaknya:

> [34] ... Adalah fakta yang tidak dapat dipertikaikan bahawa dengan kematian si mati telah terputus hubungan kasih sayang "bapa-anak" antara plaintif dan si mati. Tidak syak lagi plaintif akan mengalami "pain and suffering, loss of "consortium", bereavement and trauma". Ini adalah tindak balas emosional biasa dan dijangkakan akibat dari kematian anaknya tersebut. Perlu diambil perhatian bahawa ganti rugi yang dituntut ini tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan kehilangan faedah yang selama ini telah dinikmati oleh plaintif tetapi adalah berkaitan dengan isu untuk mendapatkan pampasan terhadap perasaan sedih, dukacita, sugul, kehilangan dan terputusnya kasih sayang akibat dari kematian orang tersayang secara mengejut.
>
> [35] Dalam kes *Mount Isa Mines Ltd v. Pusey* [1970] HC 60; [1970] 125 CLR 383, Windeyer J memberi pandangan berikut:
>
> > Sorrow does not sound in damages. A plaintiff in an action of negligence cannot recover damages for a 'shock', however grievous, which was no more than an immediate emotional response to a distressing experience sudden, severe and saddening. It is, however, today a known medical fact that severe emotional distress can be the starting point of a lasting disorder of mind or body, some form of psychoneurosis or a psychosomatic illness. For that, if it be the result of a tortious act, damages may be had.

[28] Mengenai award yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan mengatakan seperti berikut:

> [36] Pada hemat kami, ganti rugi am sebanyak RM100,000 yang diawardkan oleh hakim bicara bijaksana adalah agak tinggi. Walau bagaimanapun, ia tidaklah merupakan satu amaun yang berlebihan atau melampau (manifestly excessive) yang memerlukan campur tangan kami. Pengawardan ganti rugi adalah merupakan budi bicara hakim bicara dan beliau adalah tidak terikat kepada kaedah atau peraturan tetap tertentu dan keputusan dalam kes-kes lain hanya merupakan panduan semata-mata. Seperti yang dibuat permerhatian dalam kes *Afrika Selatan, Protea Assurance Co Ltd v. Lamb* [1971] (1) SA 530 (A) di ms. 535H - 536A:
>
> > It should be emphasised, however, that this process of comparison does not take the form of a meticulous examination of awards made in other cases in order to fix the amount of compensation; nor should the process be allowed so to dominate the enquiry as to become a fetter upon the Court's general discretion in such matters.

[29] Alasan Pendaftar memberikan award RM60,000 secara global dinyatakan di perenggan 13 alasan penghakimannya: A

> [13] Berbalik kepada kes ini, plaintif-plaintif telah mengalami perasaan sedih, dukacita dan sugul atas kehilangan anak mereka secara mengejut. Kehilangan simati ini cukup memberi kesan kepada mental dan emosi plaintif-plaintif lebih-lebih lagi pada ketika saat mereka merindukan gelak tawa, jasa dan pengorbanan simati. Oleh yang demikian, saya membenarkan ganti rugi am sebanyak RM60,000 terhadap plaintif-plaintif, Mahkamah berpandangan jumlah tersebut adalah wajar dan berpatutan dengan situasi yang dialami plaintif-plaintif. B

[30] Pendaftar tidak menjelaskan apa yang dimaksudkan "secara global". Peguam kedua-dua pihak juga tidak berhujah mengenai "secara global". Timbul persoalan sama ada "secara global" bermaksud award RM60,000 untuk kesemua plaintif-plaintif dan award tersebut dibahagi sama rata di kalangan plaintif-plaintif dan ini bermaksud pampasan di atas kematian tiap-tiap seorang si mati adalah RM30,000 ("maksud pertama"). Atau "secara global" bermaksud award yg diberikan sebanyak RM60,000 sebagai meliputi kesemua "heads of claim" yang dituntut oleh perayu-perayu ("maksud kedua"), sepertimana award secara global yang dibuat oleh mahkamah dalam kes *Yang Salbiah & Anor v. Jamil Harun* [1981] 1 LNS 106; [1981] 1 MLJ 292 sebanyak $75,000 bagi tiga "heads of claim" iaitu "(1) pain and suffering and loss of amenities, (2) future loss and (3) nursing services". C D E

[31] Melihatkan adanya award diberikan oleh Pendaftar bagi "heads of claim" yang lain, maka mahkamah ini beranggapan maksud pertama adalah lebih masuk akal, iaitu pampasan untuk kesakitan dan penderitaan yang diawardkan adalah RM30,000 bagi kematian setiap si mati. Tambahan ini menepati perintah yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan supaya taksiran ganti rugi diadakan bagi setiap perayu-perayu. F

[32] Mengambil kira keterangan SP1, SP2 dan SP3 dan setelah menimbangkan kes-kes yang diputuskan, mahkamah berpendapat award sebanyak RM30,000 sebagai pampasan terhadap perasaan sedih, duka cita, sugul, trauma, kehilangan dan terputusnya kasih sayang akibat dari kematian orang tersayang secara mengejut adalah terlalu rendah dan tidak memadai. Mengambil kira hubungan pertalian antara si mati-si mati dengan SP1, SP2 dan SP3 adalah sama dengan pertalian antara si mati dalam kes *Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri & Yang Lain lwn. Ghaur Chandram Murugesu & Satu Lagi Rayuan*, mahkamah ini berpendapat pampasan sebanyak RM100,000 untuk kesakitan dan penderitaan tidak berlebihan atau melampau. G H

[33] Oleh itu mahkamah membenarkan award bagi ganti rugi kesakitan dan penderitaan sebanyak RM100,000 bagi setiap perayu pertama dan kedua, plaintif ketiga dan keempat, dan plaintif kelima dan keenam. I

A *Ganti Rugi Untuk Tanggungan Di Bawah Seksyen 7 CLA*

[34] Pendaftar telah menolak tuntutan plaintif ketiga dan keempat atas alasan tiada sebarang bukti dikemukakan berkenaan dengan pekerjaan si mati kedua.

B **[35]** Pihak defendan berhujah bahawa plaintif-plaintif tidak boleh diaward ganti rugi am untuk kesakitan dan penderitaan jika perayu-perayu membawa tuntutan tanggungan (dependency claim) di bawah s. 7 CLA seperti diputuskan dalam kes *Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri & Yang Lain lwn. Ghaur Chandram Murugesu & Satu Lagi Rayuan* (*supra*).

C **[36]** Pihak plaintif-plaintif berhujah tidak ada apa-apa pun dalam kes tersebut yang memutuskan ganti rugi am bagi kesakitan dan kesengsaraan tidak boleh diberikan jikalau terdapat tuntutan di bawah s. 7 CLA.

[37] Penelitian mahkamah ini ke atas kes *Ghaur Chandram* menunjukkan Mahkamah Rayuan telah membenarkan tuntutan tanggungan plaintif
D (RM500 x 12 bulan x 16 = RM96,000) dan pada masa yang sama juga memberi award untuk ganti rugi am untuk kesakitan dan penderitaan (RM100,000). Oleh itu hujah pihak defendan-defendan adalah salah tafsir.

[38] SP2 iaitu ibu si mati kedua dalam testimoninya mengatakan si mati
E kedua bekerja sebagai jurujual di Dre Masrafi Services Sdn Bhd bahagian kad kredit dan mendapat gaji pokok sebanyak RM1,000 sebulan tidak termasuk komisyen. Menurut SP2, si mati kedua memberi kepadanya RM700 setiap bulan yang digunakan oleh SP2 untuk perbelanjaan isi rumah. SP2 mengakui bahawa dia tidak mempunyai sebarang slip gaji bagi membuktikan pendapatan si mati kedua kerana slip gaji hilang atau terbuang semasa
F keluarganya mengemas barang-barang si mati kedua selepas kematian si mati kedua dalam tahun 2010. SP2 juga memaklumkan telah cuba menghubungi Syarikat Dre Masrafi Services Sdn Bhd untuk mendapatkan slip gaji baru bagi si mati kedua. Namun nombor panggilan syarikat tersebut sudah tidak ada dalam perkhidmatan dan syarikat tersebut telah ditutup.

G **[39]** Testimoni SP2 mengenai si mati kedua mempunyai pekerjaan dan menyumbang RM700 sebulan untuk isu rumah tidak dicabar serius oleh pihak defendan-defendan.

[40] Kes-kes mengenai tuntutan sebegini menunjukkan mahkamah boleh
H memberi pertimbangan sewajarnya pada keterangan lisan yang tidak disokong dengan apa-apa keterangan dokumentar sekiranya ada penjelasan yang munasabah (*Thangavelu v. Chia Kok Bin* [1981] CLJ 132; [1981] CLJ (Rep) 281; [1981] 2 MLJ 277; [1981] 1 CLJ 281; dan *Lim Ah Chi v. Tan Ah Mui & Anor* [1968] 1 LNS 67; [1969] 1 MLJ 215).

I

[41] Mahkamah ini menerima penjelasan yang diberikan oleh SP2 mengenai kegagalannya mengemukakan slip gaji si mati kedua. Prosiding taksiran ganti rugi telah dijalankan dalam tahun 2018 iaitu lapan tahun selepas si mati kedua meninggal dunia. Bukanlah sesuatu yang mustahil dokumen seperti slip gaji hilang atau terbuang semasa keluarga si mati kedua mengemas barang-barang peribadi si mati kedua. Juga, adalah tidak mustahil syarikat di mana si mati kedua bekerja telah tidak lagi beroperasi selepas lapan tahun. Dalam keadaan ini, Mahkamah bersetuju dengan hujah pihak plaintif-plaintif bahawa kegagalan memanggil kakak si mati kedua untuk memberi keterangan mengenai pekerjaan si mati kedua tidak material kerana kakak si mati kedua tidak akan dapat menjelaskan apa-apa perkara baru dari apa yang telah dijelaskan oleh SP2.

[42] Sehubungan itu mahkamah ini membenarkan tuntutan plaintif ketiga dan keempat di bawah s. 7 CLA seperti berikut:

RM700 x 16 tahun = RM11,200

Ganti Rugi Tuntutan Estet Di Bawah Seksyen 8 CLA

[43] Pendaftar telah menolak tuntutan plaintif-plaintif sebagai pentadbir bagi harta pusaka si mati-si mati plaintif-plaintif kerana tidak mengemukakan surat kuasa mentadbir harta pusaka si mati-si mati.

[44] Semasa pendengaran taksiran ganti rugi, SP1, SP2 dan SP3 telah disoal mengenai surat kuasa mentadbir harta pusaka si mati-si mati. Ketiga-tiga saksi tersebut tidak mengemukakan surat kuasa tersebut bagi membuktikan mereka adalah pentadbir harta pusaka si mati-si mati.

[45] Dihujahkan bagi pihak plaintif-plaintif bahawa pihak defendan-defendan diestop dari mempersoalkan kapasiti perayu-perayu di peringkat taksiran ganti rugi kerana perkara ini tidak dipersoalkan oleh defendan-defendan semasa perbicaraan mengenai isu liabiliti djalankan. Ini adalah kerana isu liabiliti telahpun dibicarakan dan Mahkamah Rayuan telah memutuskan defendan-defendan bertanggungan di atas kematian si mati-si mati dan pampasan hendaklah ditaksirkan untuk diawardkan kepada plaintif-plaintif.

[46] Diperhatikan plaintif-plaintif dalam kes ini membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi terhadap defendan-defendan di atas kapasiti mereka sebagai pentadbir harta pusaka si mati-si mati. Oleh itu, sekiranya responden-responden mempertikaikan kapasiti plaintif-plaintif sebagai pentadbir kepada harta pusaka si mati-si mati maka adalah wajar isu tersebut dibangkitkan dan diputuskan di peringkat perbicaraan kerana isu tersebut melibatkan kedudukan di sisi undang-undang plaintif-plaintif untuk membawa tuntutan terhadap responden-responden. Oleh kerana isu *locus* tidak dibangkitkan pada ketika itu, maka adalah terlambat bagi pihak defendan-defendan untuk

membangkitkan dan mempertikaikan *locus* plaintif-plaintif sebagai pentadbir bagi harta pusaka si mati-si mati. Apatah lagi dalam kes ini keputusan mahkamah memihak kepada plaintif-plaintif yang menyaman defendan-defendan kerana telah cuai menjalankan tugas sehingga menyebabkan kematian si mati-si mati.

[47] Untuk menyokong tuntutan ganti rugi untuk estet si mati-mati dihujahkan oleh plaintif-plaintif, antara lain, bahawa:

(i) Mahkamah Rayuan telahpun menolak pembelaan defendan-defendan dan bersetuju dengan plaintif-plaintif bahawa si mati-si mati telah ditembak oleh defendan-defendan dalam keadaan melutut secara execution style;

(ii) keputusan Mahkamah Rayuan adalah berdasarkan laporan bedah siasat ke atas si mati-si mati yang menunjukkan bahawa trajektori luka tembakan luka tembakan telah masuk pada arah 45 darjah. Laporan bedah siasat ke atas si mati-si mati dirujuk di ikatan dokumen bersama yang tidak dipersetujui - E;

(iii) laporan bedah siasat ke atas si mati-si mati juga tidak menyatakan kematian si mati-si mati adalah serta-merta. Ini tidak dicabar oleh pihak responden-responden; dan

(iv) mengambil kira ketakutan, tekanan jiwa yang dialami oleh si mati-mati sewaktu mereka dikepung oleh polis-polis dalam kedaan melutut sebelum ditembak mati serta kematian yang tidak serta-merta pihak plaintif mencadangkan kuantum yang sesuai adalah antara RM50,000 hingga RM100,000.

[48] Selain daripada isu mengenai surat kuasa mentadbir harta pusaka, pihak responden-responden tidak mengemukakan hujah balas mengenai hujah plaintif mengenai keadaan bagaimana si mati-si mati mati. Pihak defendan-defendan berhujah bahawa defendan-defendan tidak mempertikaikan keterangan saksi plaintif-plaintif mengenai keadaan kematian si mati-si mati kerana saksi-saksi tersebut tidak ada di tempat kejadian.

[49] Dalam hal ini tidak dapat dinafikan saksi-saksi plaintif-plaintif tidak berada di tempat kejadian, namun hujah peguam defendan-defendan menunjukkan keterangan saksi-saksi tersebut tidak langsung dipertikaikan di peringkat perbicaraan mengenai liabiliti. Selain daripada itu, keterangan mengenai keadaan dalam mana si mati-si mati terkorban tidak semestinya hanya boleh diperoleh daripada saksi-saksi yang berada di tempat kejadian yang menyaksikan kejadian tersebut. Dalam hal ini laporan bedah siasat boleh dirujuk dan dipertimbangkan untuk membuat inferens yang munasabah. Laporan bedah siasat si mati-si mati telah dirujuk dalam hujah pihak plaintif-plaintif. Namun pihak defendan-defendan tidak menjawab atau membalas hujah plaintif-plaintif mengenai keadaan kematian si mati-si mati.

[50] Apa yang pasti adalah Mahkamah Rayuan telah mengenepikan dapatan liabiliti oleh Mahkamah Tinggi dan dengan itu memutuskan defendan-defendan cuai dalam menjalankan tugas mereka dengan melepaskan tembakan ke atas si mati-si mati yang mengakibatkan maut ke atas si mati-si mati.

[51] Setelah menimbangkan fakta mengenai keadaan yang amat memilukan bagaimana si mati-si mati menemui ajal mereka serta kes-kes (*Ketua Polis Daerah Sentul & Ors v. Norizan Salleh* (Rayuan Sivil No. W-01(NCVC)(W)-395-10-2014) dan kes *Ketua Polis Negara & Ors v. Nurasmira Maulat Jaffar & Ors And Other Appeals* [2018] 1 CLJ 585; [2017] 6 MLRA 635) yang mempunyai fakta yang lebih kurang sama mengenai si mati yang mati akibat dipukul oleh pihak polis, mahkamah berpendapat pampasan sebanyak RM100,000 adalah wajar bagi estet setiap si mati-si mati.

Ganti Rugi Untuk Misfeasans Dalam Jawatan Awam

[52] Bagi ganti rugi ini, Pendaftar telah memberi award sebanyak RM100,000 secara global.

[53] Perkara mengenai apa yang dimaksudkan RM100,000 secara global telah dinyatakan di atas. Oleh itu diandaikan pampasan yang diberikan bagi setiap si mati adalah RM33,333.33.

[54] Berhubung dengan tuntutan ini, pihak defendan-defendan telah merujuk kepada kes *Ketua Polis Negara & Ors v. Nurasmira Maulat Jaffar* dan berhujah bahawa award RM100,000 yang diberikan adalah wajar. Namun tidak langsung diperkatakan mengenai award RM100,000 tersebut diberi secara global.

[55] Mengambil kira fakta yang dinyatakan di atas mengenai kecuaian pihak defendan-defendan dan keadaan dalam mana si mati-si mati terkorban, award RM33,333.33 adalah amat tidak memadai. Setelah meneliti hujah pihak defendan-defendan dan kes yang dirujuk oleh mereka, RM100,000 adalah wajar sebagai ganti rugi bagi kematian si mati-si mati di tangan defendan-defendan yang cuai dan bertindak di luar tugas statutori yang ditetapkan.

[56] Oleh itu award sebanyak RM100,000 diberikan untuk ganti rugi bagi misfeasans dalam jawatan awam kepada plaintif pertama dan kedua, plaintiff ketiga dan keempat, dan plaintif kelima dan keenam.

Ganti Rugi Teladan

[57] Tidak ada pampasan yang diberikan oleh Pendaftar.

[58] Plaintif-plaintif berhujah ganti rugi teladan harus diberikan kepada plaintif-plaintif kerana tindakan defendan-defendan menembak mati si mati-si mati adalah suatu pelanggaran hak kebebasan si mati-si mati menurut per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan.

[59] Mahkamah ini telah memutuskan kuantum ganti rugi teladan sebanyak RM100,000 bagi setiap si mati. Namun selepas award tersebut diberikan, telah disedari kemudiannya award sedemikian adalah suatu kekhilafan kerana orang tanggungan yang membawa tuntutan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 adalah tidak berhak untuk mendapatkan ganti rugi teladan. Ini diputuskan dalam kes *Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri & Yang Lain lwn. Ghaur Chandram Murugesu* di mana Mahkamah Rayuan mengatakan yang berikut:

> [27] Ganti rugi teladan adalah bertujuan untuk menghukum defendan-defendan dan mencegah mereka dari mengulangi perbuatan terkutuk tersebut dan juga untuk mencegah orang lain dari melakukan perbuatan yang sama. Ganti rugi teladan hanya boleh diawardkan jika ia telah memenuhi kategori-kategori yang ditetapkan dalam kes *Rookes v. Barnard (No 1)* [1964] 1 AC 1129 yang telah diterima oleh mahkamah-mahkamah Malaysia. Dalam kes tersebut, Lord Devlin telah menggariskan kategori-kategori tersebut seperti berikut:
>
> (a) the first category is oppressive, arbitrary or unconstitutional action by the servants of the government;
>
> (b) second category are those in which the defendant's conduct has been calculated by him to make a profit for himself which may well exceed the compensation payable to the plaintiff; and
>
> (c) expressly authorised by statute.
>
> (Lihat juga kes *Zulkiply Taib & Anor v. Prabakar Bala Krishna & Ors And Other Appeals* [2015] 2 CLJ 766 (MR)).
>
> [28] Walaupun sekiranya kategori-kategori di atas telah dipenuhi, terdapat beberapa kekangan lain yang menghadkan pengawardan ganti rugi teladan, antara lain ialah plaintif hendaklah merupakan mangsa perbuatan terkutuk tersebut. Lord Devlin dalam kes tersebut menyatakan di ms. 1227:
>
> > [T]he plaintiff cannot recover exemplary damages unless he is the victim of the punishable behaviour.
>
> [29] Dalam kes rayuan ini, mangsa ialah si mati dan bukannya plaintif kerana plaintif mendakwa bagi pihak diri sendiri dan kesemua orang tanggungan dan sebagai bakal pentadbir sah harta pusaka si mati.

[60] Hakikatnya amat nyata di sini, plaintif-plaintif bukanlah mangsa kepada perbuatan kejam defendan-defendan. Oleh itu, plaintif-plaintif tidak berhak diberikan award ganti rugi teladan dan award RM100,000 yang diberikan oleh mahkamah ini kepada setiap si mati-si mati adalah suatu kekhilafan.

Ganti Rugi Teruk

[61] Award yang diberikan oleh Pendaftar bagi ganti rugi teruk adalah RM10,000 bagi setiap si mati-si mati.

[62] Dihujahkan bagi pihak plaintif-plaintif bahawa plaintif-plaintif berhak mendapat ganti rugi teruk yang lebih tinggi. Antara alasan plaintif-plaintif:

(i) si mati-si mati ditembak di kepala dan dada sewaktu si mati-si mati melutut secara execution style; dan

(ii) defendan-defendan telah mereka tuduhan palsu bahawa si mati-si mati terlibat dalam suatu rompakan dan mengeluarkan kenyataan kepada media bahawa si mati-si mati merupakan ahli geng minyak. Namun tidak ada bukti yang dikemukakan oleh defendan-defendan bahawa si mati-si mati adalah ahli geng minyak dan melakukan rompakan.

[63] Dalam kes *Mary Mariay Sussy v. Insp Hare Krishnan Subramaniam & Lain-Lain* (Guaman No: WA-21NCVC-44-95-2016) di mana mangsa telah meninggal semasa dalam lokap dan mahkamah memberi award sebanyak RM50,000 untuk ganti rugi misfeasans. Manakala dalam kes *Hassan Marsom & Ors v. Mohd Hady Ya'akop* [2018] 7 CLJ 403; [2018] 5 MLJ 141 award yang dibenarkan oleh mahkamah sebagai pampasan kerana responden dibogelkan dan diserang oleh pihak polis adalah RM50,000.

[64] Berdasarkan apa yang berlaku kepada si mati-si mati yang masih muda dan kenyataan tidak bertanggungjawab oleh defendan-defendan bahawa si mati-si mati adalah perompak dan ahli Geng Minyak untuk menjustifikasikan tindakan defendan-defendan menembak mati si mati-si mati, adalah wajar ganti rugi teruk diberikan kapada plaintif-plaintif. Mahkamah ini berpendapat ganti rugi sebanyak RM100,000 adalah wajar dan berpatutan diberikan.

[65] Oleh itu award sebanyak RM100,000 diberikan untuk ganti rugi teruk kepada plaintif pertama dan kedua, plaintiff ketiga dan keempat, dan plaintif kelima dan keenam sebagai pampasan.

Kesimpulan

[66] Mahkamah ini sedar award yang diberikan di atas adalah tinggi. Dalam hal ini mahkamah perlu dan adalah tugas mahkamah untuk mengambil kira keadaan kematian si mati-si mati yang masih muda, tindakan defendan-defendan yang cuai menjalankan tugas dan juga perlakuan defendan-defendan yang mengeluarkan kenyataan yang tidak bertanggungjawab untuk menjustifkasikan tindakan mereka menembak si mati-si mati di kepala dan dada serta kesannya ke atas plaintif-plaintif. Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat award yang diberikan tidaklah melampau dan tidak berlebihan.